

# PENGLIBATAN GURU PELATIH KPLI MAKTAB PERGURUAN BATU LINTANG DALAM AMALAN GAYA HIDUP MESRA ALAM

**Tiwi Kamidin**  
**Nor Aznan Mahmood**  
Jabatan Kajian Sains  
**Tay Teck Pin**  
Jabatan Kajian Sosial

## ABSTRAK

*Masalah degradasi alam sekitar tidak dapat diselesaikan dengan hanya melalui invensi teknologi atau biologi. Oleh itu, Pendidikan Alam Sekitar diperkenalkan di peringkat sekolah mahupun Maktab Perguruan sebagai salah satu langkah jangka panjang untuk menerapkan kesedaran serta meningkatkan komitmen dalam pemeliharaan alam sekitar termasuk dalam amalan gaya hidup mesra alam. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap penglibatan guru pelatih dalam Amalan Gaya Hidup Mesra Alam. Melalui kajian ini juga tahap penilaian sendiri guru pelatih dalam mengintegrasikan alam sekitar dalam kehidupan dapat diketahui. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam dengan jantina, bangsa, jenis kursus dan pengkhususan di universiti. Ini membawa makna bahawa dimensi struktural kurang mempengaruhi komitmen penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam. Namun, dapatan menunjukkan terdapat perkaitan pada nilai Pearson  $r = .453$ ,  $p < .001$ , antara penilaian sendiri dengan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam. Implikasi kajian terhadap kurikulum Pendidikan Alam Sekitar juga dibincangkan. Selain itu, cadangan kajian untuk masa depan dicadangkan dalam kajian ini.*

## PENGENALAN

Bila memperkatakan tentang isu-isu alam sekitar, ianya sukar untuk diselesaikan kerana melibatkan aspek pertumbuhan ekonomi termasuk keperluan penduduk yang semakin bertambah dan sikap serta komitmen individu. Oleh itu, kesedaran hanya tinggal kesedaran tanpa ada perubahan dari segi penglibatan dalam usaha pemeliharaan alam sekitar. Penglibatan individu dalam pemeliharaan alam sekitar dari sekecil-kecilnya melalui perubahan gaya hidup individu sendiri merupakan satu titik langkah besar dalam usaha pemeliharaan alam sekitar. Justeru, Pendidikan Alam Sekitar telah diperkenalkan sejak 1998 di peringkat Maktab Perguruan bagi membentuk generasi pendidik yang lebih peka terhadap alam sekitar dan diharapkan

agar bakal pendidik ini akan melibatkan diri dalam usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar serta gaya hidup mesra alam. Kajian oleh Ravi (2004) menunjukkan bahawa guru pelatih mempunyai sikap positif terhadap alam sekitar. Banyak kajian lain juga mendapati guru pelatih mempunyai pengetahuan mengenai alam sekitar yang tinggi namun mempunyai sikap yang masih di tahap rendah. Oleh itu kajian mengenai sejauhmana penglibatan guru pelatih dalam amalan gaya hidup mesra alam belum pernah dikaji. Justeru, kajian ini dibuat untuk mengkaji tahap penglibatan guru pelatih dalam gaya hidup mesra alam. Ini penting kerana guru pelatih adalah aset penting untuk mewujudkan transformasi pemikiran di kalangan generasi akan datang yang bakal menjadi pemimpin, perancang pembangunan, pembuat keputusan, usahawan dan sebagainya terhadap alam sekitar. Oleh itu, perubahan sikap dan komitmen penglibatan di kalangan guru pelatih amat penting agar ianya menjadi model tingkah laku di kalangan anak didik yang bakal diterapkan dengan Pendidikan Alam Sekitar. Fokus kajian juga menumpukan kepada aspek-aspek adakah penglibatan guru pelatih berkaitan tahap penilaian sendiri integrasi alam sekitar (*self rated*) dalam kehidupan oleh responden. Selain itu, kajian ini juga mengkaji peranan dimensi personal dan dimensi struktural dalam mendorong guru pelatih melibatkan diri dalam aktiviti pemeliharaan alam sekitar khasnya gaya hidup mesra alam.

### **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini memfokuskan kepada penglibatan guru pelatih dalam amalan gaya hidup mesra alam. Kajian ini juga meninjau tahap penilaian sendiri di kalangan guru pelatih dalam integrasi alam sekitar dalam kehidupan. Seterusnya, kajian ini juga mengkaji perkaitan antara nilai diri (*self rated*) dengan penglibatan dalam gaya hidup mesra alam di samping perkaitan dengan jantina, bangsa, jenis kursus dan pengkhususan di universiti. Secara khususnya, persoalan kajian ialah:

1. Apakah tahap penilaian sendiri guru pelatih dalam mengintegrasikan kehidupan dengan alam sekitar mengikut jantina?
2. Apakah skor penglibatan guru pelatih dalam amalan gaya hidup mesra alam mengikut jantina dan jenis kursus?
3. Apakah pendorong utama penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam di kalangan guru pelatih?
4. Adakah penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam berbeza mengikut jantina, jenis kursus, bangsa dan pengkhususan di universiti?
5. Apakah perkaitan antara tahap penilaian sendiri dengan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam?


### **KESIGNIFIKANAN KAJIAN**

Melalui kajian ini, diharapkan agar pensyarah mendapat pendedahan akan tahap penglibatan guru pelatih dalam amalan gaya hidup mesra alam. Selain itu, diharapkan melalui kajian ini, ianya dapat membantu para pensyarah untuk

memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam usaha meningkatkan komitmen penglibatan guru pelatih dalam amalan gaya hidup mesra alam dan pemeliharaan alam sekitar khususnya. Selain itu, melalui kajian ini juga dapat membantu para pensyarah untuk mengenalpasti pendorong utama guru pelatih untuk terlibat dalam amalan gaya hidup mesra alam khususnya. Ini akan membantu para pensyarah memberi penekanan kepada aspek dorongan utama penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam. Oleh itu, ia akan membantu para pensyarah untuk menggunakan aspek dimensi tersebut bagi mendorong guru pelatih untuk meneruskan komitmen penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam. Secara tidak langsung, ianya memberikan idea penambahbaikan kurikulum Pendidikan Alam Sekitar yang sedia ada pada masa kini.

### KERANGKA TEORITIKAL

Rangka tindakan oleh Weick (1995) membincangkan bagaimana input-input yang membentuk nilai, sistem kepercayaan serta emosi dan akan diterjemahkan ke dalam bentuk penglibatan individu dan komuniti. Elemen seperti motivasi (ekstrinsik dan intrinsik) adalah antara faktor yang akan membentuk nilai, sistem dan kepercayaan dalam diri individu. Ianya akan diterjemahkan melalui perlakuan. Motivasi intrinsik berkaitan dengan pembentukan nilai ingin tahu, kemahiran dan kepuasan dalam diri manakala motivasi ekstrinsik lebih kepada dorongan untuk memperolehi sesuatu (Lewin, 1935). Pembentukan matlamat motivasi ini adalah penting dalam menghasilkan perspektif jangka panjang dan jangka pendek pada masa akan datang (Lens, 1986; Nuttin, 1984). Ianya adalah suatu langkah permulaan untuk seseorang individu terlibat dalam sesuatu aktiviti.




*Sumber:* Weick, 1995

Rajah 1: Rangka Penjelmaan Tindakan

Melalui Rajah 1, penglibatan individu lebih banyak dipengaruhi oleh input dalaman individu seperti motivasi, latarbelakang, keadaan ekonomi, akademik dan pengetahuan yang ada dalam diri akan membentuk persepsi individu dan seterusnya diterjemahkan ke dalam bentuk penglibatan. Penglibatan juga dipengaruhi oleh dimensi struktural seperti permintaan, pasaran, tekanan masyarakat, insentif dan motivasi ekstrinsik. Kajian ini akan memperlihatkan perkaitan antara pembolehubah dimensi personal dan dimensi struktural dengan memberi penekanan aspek-aspek

yang difokuskan seperti dalam tujuan kajian. Wujud perkaitan antara dimensi personal dan dimensi struktural di mana dalam situasi yang sebenar, keupayaan dorongan oleh dimensi personal akan diselaraskan dengan dimensi struktural terutama semasa perubahan diri dalam organisasi.




*Sumber: Pfeifer, 1997*

### Rajah 2. Jenis Penglibatan dan Input Pengaruh Utama

Dalam sesetengah keadaan, individu akan memainkan peranan sebagai pemimpin dalam organisasi diri. Oleh itu, dimensi personal akan memainkan peranan penting dalam mendorong penglibatan diri individu. Dalam keadaan di mana individu menjadi ahli atau pekerja dalam sesebuah organisasi, tekanan daripada dimensi struktural khususnya berkaitan dengan organisasi akan menjadi pendorong penglibatan seseorang individu. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, walaupun dalam organisasi, dimensi personal turut memainkan peranan sebagai pendorong penglibatan. Misalnya, individu mematuhi kehendak keterlibatan dalam organisasi kerana takut tidak memperolehi kehendak dimensi personal seperti insentif untuk diri.

Dalam organisasi, keutuhan dimensi personal menjadi pendorong utama penglibatan individu. Misalnya kesedaran mengenai alam sekitar dan tahap komitmen dalam pelaksanaan. Namun, dalam sesetengah keadaan, dimensi struktural akan membantu membentuk dimensi personal. Misalnya, guru pelatih KPLI diwajibkan mengambil subjek Pendidikan Alam Sekitar sebagai Asas Dinamika Guru. Pendedahan kepada Pendidikan Alam Sekitar dilakukan akibat tekanan dimensi struktural namun ianya membantu guru pelatih memperolehi kekuatan dorongan dimensi personal setelah input-input pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar mampu mengubah transformasi pemikiran serta tahap komitmen dalam penglibatan. Rajah 3 menunjukkan hubungan antara dimensi personal dan dimensi struktural dalam mempengaruhi penglibatan individu. Ianya memberi gambaran akan penterjemahan komitmen ke dalam bentuk amalan seperti amalan gaya hidup mesra alam.



Rajah 3: Hubungan Antara Dimensi Personal dan Dimensi Struktur

Kajian oleh Chang Siew Hong (1981) mendapati penglibatan pelajar universiti dalam kajian lapangan membantu mendedahkan kepada kemahiran mengendalikan kajian lapangan. Sementara kajian oleh Teoh Eng Seah (1995) mendapati guru pelatih mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai alam sekitar tapi penglibatan yang rendah dalam pemeliharaan alam sekitar. Begitu juga kajian oleh Ponniah (1981) mendapati para pelajar di sekolah-sekolah menengah di Malaysia tidak tahu apakah peranan mereka dalam pemeliharaan alam sekitar kerana mereka hanya pelajar. Kajian oleh Ravi (2004) mendapati pengetahuan mengenai isu alam sekitar adalah dalam kategori tinggi dan ianya akan membantu mempengaruhi pembentukan sikap yang positif terhadap pemeliharaan. Oleh itu, kajian ini cuba meninjau penglibatan guru pelatih dalam amalan gaya hidup mesra alam yang merangkumi penglibatan dalam aspek Audit Hijau dan amalan harian mesra alam.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif manakala kaedah yang dipilih ialah kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan merupakan satu jenis reka bentuk bukan eksperimen. Rangka kajian ini menggunakan jantina, jenis kursus, bangsa dan pengkhususan di universiti sebagai pembolehubah bebas manakala penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam (Audit hijau dan amalan harian mesra alam) penilaian sendiri dan dorongan sebagai pembolehubah bersandar.

Soal selidik merangkumi empat komponen. Komponen pertama mengenai demografi responden dan penilaian diri dalam mengintegrasikan alam sekitar di dalam kehidupan. Komponen kedua mengenai penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam Audit Hijau. Komponen ini mengandungi 16 item mengenai penglibatan dalam Audit Hijau ke dalam diri responden. Komponen ketiga merupakan item mengenai penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam yang merangkumi 23 item yang diubahsuai daripada Donahoe (1991). Komponen keempat adalah komponen mengenai pendorong utama responden terlibat dalam amalan gaya hidup mesra alam. Bagi Komponen II dan III, setiap pilihan jawapan diberikan nilai seperti skala Likert. Setiap jawapan mempunyai nilai tersendiri daripada 1 hingga 5. Kesemua item untuk mengukur penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam iaitu Audit Hijau dan Gaya Hidup Mesra Alam akan dijumlahkan bagi mendapatkan skor min penglibatan responden dalam amalan gaya hidup mesra alam. Nilai minimum ialah 39 manakala nilai maksimum ialah 195. Skor melebihi 156 ialah skor yang dikategorikan sebagai tinggi. Ini diukur melalui skala likert ( $skala\ 4 \times 39 = 156$ ). Bagi komponen IV, responden diminta menandakan pendorong utama mereka dalam penglibatan gaya hidup mesra alam. Jadual 1 menunjukkan taburan item-item penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam. Berdasarkan kajian rintis yang dilakukan, nilai alpha instrumen amalan gaya hidup mesra alam Audit Hijau ialah 0.8233 manakala nilai alpha instrumen Amalan Harian Gaya Hidup Mesra Alam ialah 0.8172. Nilai alpha untuk keseluruhan item ialah 0.8899.

Peserta kajian terdiri daripada 88 orang guru pelatih KPLI Rendah dan 49 orang guru pelatih KPLI Menengah di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching. Sampel tersebut dipilih berdasarkan pernah mempelajari kursus Pendidikan Alam Sekitar sebagai salah satu mata pelajaran wajib Asas Dinamika Guru pada masa yang berbeza. Namun, sampel dipilih secara rawak daripada jumlah keseluruhan. Seramai 137 orang responden terlibat dalam kajian ini. Jadual 2 menunjukkan jumlah responden.

Jadual 1: Taburan Item-Item Penglibatan Dalam Amalan Gaya Hidup Mesra Alam

BAHAGIAN	PEMBOLEHUBAH	SKALA	NO. ITEM	BIL. ITEM
<b>Bahagian A.</b>				
Demografi	Jenis Kursus	Nominal	a	1
	Jantina	Nominal	b	1
	Bangsa	Nominal	d	1
	Pengkhususan di Universiti	Nominal	e	1
	Penilaian Diri	Ordinal	f	1
<b>Bahagian B</b>				
Penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam: (aspek Audit Hijau)	Bahan dan maklumat Hijau di rumah	Interval	a1 hingga a4	4
	Landskap dan air	Interval	a5 hingga a9	5
		Interval	a10 hingga a13	4
	Sampah	Interval	a14 hingga a16	3
Jumlah				16
<b>Bahagian C</b>				
Penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam : (Gaya Hidup Mesra Alam)	Mesra alam di dapur	Interval	b1 hingga b5	5
	Mesra alam di bilik mandi	Interval	b6 hingga b9	5
	Mesra alam di bilik tidur	Interval	b10 hingga b13	4
	Mesra alam membeli belah	Interval	b14 hingga b18	5
	Sokongan kepada organisasi	Interval	b19 hingga b23	5
Jumlah				23
<b>Bahagian D</b>				
Pendorong utama		Ordinal	c1 hingga c9	9
Jumlah				9

Jadual 2: Jumlah Responden

Jenis Kursus	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
KPLI Rendah	33	55	88
KPLI Menengah	16	23	49
Jumlah	49	88	137

## DAPATAN KAJIAN

### **Apakah penilaian sendiri guru pelatih dalam mengintegrasikan kehidupan dengan alam sekitar mengikut jantina?**

Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih KPLI lelaki memberi penilaian sendiri dalam mengintegrasikan Alam Sekitar ke dalam kehidupan lebih tinggi (min = 3.51) berbanding dengan guru pelatih perempuan (min = 3.33). Jadual 3 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai skor bagi satu item penilaian sendiri guru pelatih dalam mengintegrasikan kehidupan dengan alam sekitar. Secara keseluruhannya, guru pelatih memberikan penilaian sendiri mereka sendiri pada tahap yang sederhana.

Jadual 3: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pembolehubah Penilaian Kendiri Mengikut Jantina (n=137)

	Jantina responden	N	Min	Sisihan Piawai
Penilaian sendiri	Lelaki	49	3.51	.681
	Perempuan	88	3.33	.582

Dapatan menunjukkan guru pelatih lelaki memberikan penilaian diri yang lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih perempuan. Lupton (1998) mendapati lelaki mempunyai tahap keyakinan diri yang lebih tinggi daripada perempuan. Selain itu, tahap ego lelaki lebih tinggi berbanding dengan perempuan. Ini mungkin mempengaruhi guru pelatih lelaki ketika menjawab soal selidik berbanding dengan guru pelatih perempuan yang lebih merendah diri. Robinson (2000) mendapati perempuan mempunyai sifat yang lebih prihatin serta peka kepada apa yang berlaku di persekitaran mereka. Ini juga mungkin menyebabkan guru pelatih perempuan lebih jujur dengan apa yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka.

### **Apakah skor penglibatan guru pelatih dalam amalan gaya hidup mesra alam mengikut jantina dan jenis kursus?**

Dapatan menunjukkan bahawa guru pelatih perempuan mempunyai skor min penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam yang lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih lelaki. Walau bagaimanapun, skor min lelaki dan perempuan masih berada di tahap sederhana (skor di antara 117 – 155.99).

Jadual 4: Skor Min dan Sisihan Piawai Penglibatan dalam Amalan Gaya Hidup Mesra Alam mengikut jantina dan jenis kursus (n=137)

	Jantina responden	N	Min	Sisihan Piawai
Penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam	Jantina: Lelaki	49	128.63	21.55197
	Perempuan	88	134.75	17.46079
	Jenis Kursus:			
	KPLI (R )	88	132.64	18.59
	KPLI (M)	49	132.02	20.47

Skor penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam antara jenis kursus agak sama. Ini menunjukkan skor min penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam guru pelatih KPLI Menengah dan Rendah tidak jauh berbeza. Walau bagaimanapun, guru pelatih KPLI Rendah mencapai skor min penglibatan amalan gaya hidup mesra alam yang lebih tinggi dengan julat 0.62 berbanding dengan guru pelatih KPLI Menengah.

Secara terperinci, dapatan kajian menunjukkan guru pelatih perempuan mendapat skor penglibatan dalam Amalan Harian Mesra Alam dan Audit hijau yang lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih perempuan. Skor min dalam Amalan Harian Mesra Alam guru pelatih perempuan ialah 84.40 dengan sisihan piawai 10.55 manakala guru pelatih lelaki ialah 79.61 dengan sisihan piawai 13.06. Sementara itu, skor min Audit Hijau guru pelatih lelaki ialah 49.02 dengan sisihan piawai 10.84 berbanding guru pelatih perempuan 50.31 dengan sisihan piawai 9.06. Dapatan juga menunjukkan skor min amalan gaya hidup mesra alam dalam aspek Audit Hijau dan amalan Harian Mesra alam antara jenis kursus KPLI Menengah serta Rendah tidak jauh berbeza. Secara keseluruhan, skor min penglibatan amalan dalam gaya hidup mesra alam guru pelatih lelaki mahupun perempuan masih di tahap sederhana.

Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih perempuan mempunyai skor min penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih lelaki walaupun penilaian sendiri guru pelatih lelaki lebih tinggi berbanding guru pelatih perempuan. Robinson (2000) mendapati perempuan mempunyai sifat yang lebih sensitif di samping lebih peka terhadap keperluan orang lain serta diri sendiri. Ini mungkin menyebabkan guru pelatih perempuan lebih ketara dalam penglibatan amalan gaya hidup mesra alam. Di samping itu, perempuan lebih banyak memainkan peranan dalam kehidupan seharian khususnya dalam pengurusan rumah tangga. Justeru, ini mungkin menjadi salah satu sebab mengapa guru pelatih perempuan mempunyai skor penglibatan amalan dalam gaya hidup mesra alam yang agak tinggi berbanding dengan guru pelatih lelaki. Walau bagaimanapun, perbezaan skor min tersebut tidak menunjukkan terdapat perbezaan skor min penglibatan antara jantina. Ini bermakna jantina tidak mempengaruhi

penglibatan guru pelatih dalam amalan gaya hidup mesra alam. Ianya lebih dipengaruhi oleh faktor dimensi personal serta kekuatan faktor dimensi struktural dalam mengasah kesungguhan komitmen dalam dimensi personal seseorang individu.

Jadual 5. Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pembolehubah Mengikut jantina dan jenis kursus. (n=137)

	Jantina responden	N	Min	Sisihan Piawai
Penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam : Audit Hijau	Jantina: Lelaki	49	49.0204	10.84
	Perempuan	88	50.3182	9.06
	Jenis Kursus			
	KPLI (R )	88	50.0227	8.74
	KPLI (M)	49	49.5510	11.34
Penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam: amalan harian mesra alam	Jantina: Lelaki	49	79.6122	13.06
	Perempuan	87	84.4023	10.55
	Jenis Kursus:			
	KPLI (R )	49	82.6550	11.20
	KPLI (M)	88	82.7708	12.68

Kajian juga mendapati skor penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam di kalangan guru pelatih antara jenis kursus KPLI Menengah dan Rendah tidak berbeza. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam antara jantina, jenis kursus, bangsa dan pengkhususan di universiti. Jantina, jenis kursus, bangsa dan pengkhususan di universiti tidak dapat mempengaruhi penglibatan responden dalam amalan gaya hidup mesra alam. Ini sebenarnya menunjukkan bahawa dimensi personal seperti motivasi intrinsik seperti pengetahuan diri serta kesungguhan komitmen dari sumber dalaman iaitu dimensi personal memainkan peranan penting berbanding dengan faktor dimensi struktural seperti jantina, bangsa, jenis kursus mahupun pengkhususan di universiti.

Kumpulan KPLI Rendah mahupun Menengah terdiri daripada responden yang mempunyai latarbelakang yang hampir sama dengan sukatan pelajaran Pendidikan Alam Sekitar yang hampir sama. Justeru, ini mungkin menyebabkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis kursus.

### **Apakah pendorong utama penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam di kalangan guru pelatih?**

Hasil kajian menunjukkan pengetahuan diri responden (dimensi personal) merupakan pendorong utama guru pelatih untuk melibatkan diri dalam amalan gaya hidup mesra alam. Ini bermaksud motivasi intrinsik yang berpunca daripada pengetahuan mengenai alam sekitar dalam diri amat penting untuk mengukuhkan komitmen tindakan terhadap alam sekitar. Kajian Ravi (2004) menunjukkan bahawa terdapat perhubungan signifikan di antara pengetahuan dan sikap dengan kepekaan terhadap isu alam sekitar (Ravi, 2004). Jadual 6 menunjukkan peratusan motivasi yang mengalakkan guru pelatih terlibat dalam gaya hidup mesra alam dan pemeliharaan alam sekitar. Hasil kajian menunjukkan selain pengetahuan diri mengenai alam sekitar, guru dan pensyarah juga memainkan peranan untuk mendorong guru pelatih dalam penglibatan gaya hidup mesra alam.

Jadual 6: Peratusan Motivasi Utama Penglibatan Guru Pelatih Dalam Amalan Gaya Hidup Mesra Alam

Motivasi Utama	Bilangan	Peratusan
Pengetahuan diri	23	16.79
Guru/Pensyarah	22	16.06
Media massa	18	13.13
Keluarga	18	13.13
Dorongan kerajaan	17	12.40
Perundangan	13	9.49
Rakan sebaya	10	7.34
Insentif	9	6.59
Masyarakat setempat	7	5.07
<b>JUMLAH</b>	<b>137</b>	<b>100%</b>

Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan yang ada dalam diri seseorang individu adalah pendorong yang paling utama. Seramai 23 orang responden meletakkan pengetahuan diri sebagai pendorong utama. Kajian Ravi (2004) mendapati pengetahuan menjelaskan 5% daripada pembentukan sikap terhadap alam sekitar. Walaupun ianya menjelaskan sebahagian kecil daripada pembentukan sikap terhadap alam sekitar namun pengetahuan yang terdapat dalam diri tetap berkaitan dengan pembentukan sikap terhadap alam sekitar. Namun, terdapat banyak pengaruh serta pendorong lain dalam mempengaruhi pembentukan sikap mahupun komitmen penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam. Selain pengetahuan diri, dorongan dari pensyarah/guru, keluarga, media massa dan kerajaan juga mempengaruhi penglibatan. Secara keseluruhannya, pengetahuan (dalam dimensi

personal) adalah antara pendorong yang agak penting dalam mempengaruhi penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam.

**Adakah penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam berbeza mengikut jantina, kohort kursus, bangsa dan pengkhususan di universiti?**

Jadual 7 menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam antara jantina. Hasil analisis menunjukkan nilai  $p \geq .093$ . Walaupun guru pelatih perempuan mempunyai skor min penglibatan lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih lelaki namun ianya tidak menggambarkan perbezaan antara jantina. Hasil analisis juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara jenis kursus KPLI (rendah dan menengah) dengan nilai  $p \geq .944$ . Jadual 7 menunjukkan rumusan bagi ujian t bagi penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam.

Jadual 7: Rumusan bagi Ujian t bagi penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam mengikut jantina dan jenis kursus

Pembolehubah	Jantina	Min	Standard Deviation	T	df	Nilai $p$
Penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam	Lelaki	128.63	21.55	-1.805	135	.093
	Perempuan	134.75	17.46			
	KPLI (R )	132.64	18.59	.070	135	.944
	KPLI (M)	132.02	20.47			

Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara kaum/ bangsa dan pengkhususan di universiti. Jadual 7 menunjukkan keputusan ujian ANOVA bagi penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam di antara kaum/bangsa dan pengkhususan di universiti. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam antara kaum/bangsa guru pelatih dengan nilai  $p \geq .441$ . Begitu juga tidak terdapat perbezaan signifikan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam antara pengkhususan di universiti dengan nilai  $p \geq .240$ . Ini menunjukkan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam tidak dipengaruhi oleh bangsa dan pengkhususan di universiti.

Jadual 8: Rumusan Ujian Anova bagi pembolehubah Amalan Gaya Hidup Mesra Alam bagi bangsa dan pengkhususan di universiti

		Jumlah kuasa dua	df	Min Kuasa dua	F	Nilai <i>p</i>
Amalan gaya hidup mesra alam (bangsa)	Antara kumpulan	1390.15	4	347.53	.944	.441
	Dalam Kumpulan	48607.57	132	368.23		
Amalan gaya hidup mesra alam (pengkhususan di universiti)	Antara kumpulan	2025.91	4	506.47	1.394	.240
	Dalam kumpulan	47971.80	132	363.23		

### Adakah perkaitan antara penilaian diri dengan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam?

Analisis dilakukan dengan menggunakan Kolerasi Pearson  $r$  dan hasil kajian mendapati wujud perkaitan pada aras  $.453$  dan nilai  $p \leq .001$  di antara pembolehubah bersandar pengetahuan dan sikap. Mengikut Levin (1997), nilai Pearson  $r = .453$  ditafsirkan sebagai kolerasi positif yang sederhana. Jadual 9 menunjukkan dapatan analisis perkaitan antara nilai diri dan amalan gaya hidup mesra alam.

Jadual 9: Kolerasi Pearson Product-Moment Antara Nilai Diri dengan Pemeliharaan Alam Sekitar

		Penilaian Kendiri	
		Min	3.39
		SP	0.62
Penglibatan			
Min	132.56	$.453 (p \leq .001)$	
SP	19.17		

Dapatan menunjukkan penilaian sendiri berkaitan dengan penglibatan dalam Amalan Gaya Hidup Mesra Alam. Ini juga menunjukkan bahawa dimensi personal iaitu keyakinan diri mempengaruhi komitmen penglibatan seseorang individu. Ini kerana biasanya penglibatan adalah tindakan hasil perjanjian emosi kepada tindakan hasil daripada persepsi individu (Sturdy, 1998; Ashforth dan Humphrey, 1993). Ini bermaksud apa yang ada dalam persepsi individu akan mempengaruhi tindakan yang dilakukan. Justeru penilaian sendiri yang dihasilkan melalui persepsi individu terhadap diri sendiri adalah hasil daripada perjanjian emosi melalui sistem

kepercayaan akan tindakan yang telah dilakukan oleh diri mereka sendiri. Ini mungkin menyebabkan wujudnya perkaitan ini. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa sekali lagi dimensi personal memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penglibatan seseorang.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Melalui kajian ini, kita dapati dimensi personal (walaupun hanya dijelaskan melalui pengetahuan diri dan penilaian sendiri) amat penting dalam mempengaruhi penglibatan serta komitmen terhadap amalan gaya hidup mesra alam. Ini kerana melalui kajian ini, didapati dimensi struktural seperti jantina, bangsa, jenis kursus serta pengkhususan di universiti tidak dapat mempengaruhi penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam.

Oleh itu, kurikulum Pendidikan Alam Sekitar harus dikemaskini dengan memperbanyakkan aktiviti serta projek yang boleh meningkatkan kekuatan dimensi personal seseorang individu dalam amalan gaya hidup mesra alam. Strategi pengajaran dan pembelajaran juga harus diubahsuaikan agar pembentukan dimensi personal ini dapat dilakukan dengan lebih berjaya. Kekuatan dimensi personal akan meningkatkan komitmen seseorang individu dalam pemeliharaan alam sekitar mahupun dalam amalan gaya hidup mesra alam.

Selain itu, pensyarah harus mengenalpasti kekuatan dimensi struktural yang dapat digunapakai dalam memberi tekanan untuk membentuk dimensi personal. Maksudnya, para pensyarah harus peka untuk menggunakan unsur-unsur dimensi struktural yang dapat digunakan untuk memperkukuhkan dimensi personal dalam diri seseorang individu. Ini penting kerana kekuatan dimensi personal juga boleh dibentuk dengan menggunakan dimensi struktural.

### **CADANGAN**

Hasil daripada analisis dapatan, adalah dicadangkan agar kajian untuk mengenalpasti dimensi personal dalam mempengaruhi penglibatan dalam pemeliharaan alam sekitar dijalankan. Ini penting untuk mengenalpasti aspek-aspek dimensi personal yang penting untuk mengukuhkan komitmen penglibatan dalam pemeliharaan alam sekitar. Di samping itu, kajian mengenai keperluan-keperluan guru pelatih dalam meningkatkan komitmen terhadap pemeliharaan alam sekitar juga dijalankan. Ini akan membantu menjawab persoalan penting dalam mengubah sikap serta komitmen seseorang individu dalam pemeliharaan alam sekitar.

### **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan jantina, jenis kursus, bangsa dan pengkhususan di universiti tidak dapat mempengaruhi penglibatan

dalam amalan gaya hidup mesra alam. Namun, dapatan kajian ini mendapati terdapat perkaitan antara penilaian sendiri dengan penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam. Ini menunjukkan bahawa kurikulum serta strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar perlu diubah agar dimensi personal individu dapat diperkukuhkan untuk meningkatkan komitmen dalam pemeliharaan alam sekitar mahupun penglibatan dalam amalan gaya hidup mesra alam.

## BIBLIOGRAFI

- Aiken.S. R., Leinbach.T. R., Leigh, C. H., & Moss, M. R. (1994). *Pembangunan dan Persekitaran di Semenanjung Malaysia*. Terj: Sulong Mohamad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ashforth, Blake E., & Ronald H. Humphrey. (1993). Emotional Labour in Service Roles: The Influence of identity. In *Academy of Management Review*. Vol. 18. No. 1
- Atkinson J. W. (1958). *Motives in Fantasy, Action and Society: A Method of Assessment and Study*. New Jersey: Van Nostrand, Princeton.
- Detwyler. T. R., & Marcus, M. G. (1985). *Pembandaran dan Persekitaran: Geografi Fizikal Bandar*. Terj: Sulong Mohamad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- du Gay, Paul. (1996). *Consumption and identity at work*. London: Sage Publications.
- Jamaluddin Md. Jahi. (1996). *Impak Pembangunan Terhadap Alam Sekitar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lens, E. L. (1986). Future time perspective: A cognitive-motivational concept. In D. R. Brown and J. Veroff (eds). *Frontiers of motivational psychology*. New York: Springer-Verlag.
- Lewin, K. (1935). *A dynamic theory of personality*. New York: McGraw-Hill.
- Newhouse, N. (1990). Implications of attitude and behaviour research for environmental conservation. *Journal of Environmental Education*, Vol 22. No. 3
- Norizan Abdul Razak. (2003). *Computer Competency of In service ESL Teachers in Malaysian Secondary Schools*. Thesis Submitted in Fulfilment for the degree of Doctor of Philosophy. Kuala Lumpur: Bangi.
- Nuttin, J. (1984). Motivation, planning and action: A relational theory of behaviour dynamics. New Jersey: Leuven University Press and Erlbaum.
- Ravi, G. (2004). The Understanding of Environmental Issues among Trainee Teachers in Batu Lintang Teacher's College. *Journal Penyelidikan Maktab Perguruan Batu Lintang*, Jilid 5.